



UNDANG-UNDANG MALAYSIA

CETAKAN SEMULA

Akta 634

AKTA PERLINDUNGAN VARIETI BARU TUMBUHAN 2004

Mengandungi segala pindaan hingga 1 Januari 2006

DITERBITKAN OLEH
PESURUHJAYA PENYEMAK UNDANG-UNDANG, MALAYSIA
DI BAWAH KUASA AKTA PENYEMAKAN UNDANG-UNDANG 1968
SECARA USAHA SAMA DENGAN
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BHD
2006

**AKTA PERLINDUNGAN VARIETI BARU TUMBUHAN
2004**

Tarikh Perkenan Diraja 25 Jun 2004

Tarikh penyiaran dalam *Warta* 1 Julai 2004

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 634

AKTA PERLINDUNGAN VARIETI BARU TUMBUHAN 2004

SUSUNAN SEKSYEN

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Seksyen

1. Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran

BAHAGIAN II

LEMBAGA VARIETI TUMBUHAN

3. Penubuhan Lembaga
4. Fungsi dan kuasa Lembaga
5. Keanggotaan Lembaga
6. Anggota silih ganti
7. Mesyuarat Lembaga
8. Lembaga boleh mengundang orang lain untuk menghadiri mesyuarat
9. Peruntukan kemudahan oleh Kementerian
10. Kumpulan Wang Varieti Tumbuhan
11. Perbelanjaan hendaklah dipertanggungjawabkan pada Kumpulan Wang

BAHAGIAN III

TATACARA DAN SYARAT-SYARAT BAGI PERMOHONAN UNTUK PENDAFTARAN VARIETI BARU TUMBUHAN DAN PEMBERIAN HAK PEMBIAK BAKA

12. Permohonan untuk pendaftaran varieti baru tumbuhan dan pemberian hak pembiak baka

Seksyen

13. Orang yang boleh memohon untuk pendaftaran varieti baru tumbuhan dan pemberian hak pembiak baka
14. Syarat-syarat bagi pendaftaran varieti baru tumbuhan dan pemberian hak pembiak baka
15. Larangan pendaftaran dan pemberian hak pembiak baka
16. Nama pengenalan varieti baru tumbuhan
17. Tarikh pemfailan
18. Hak keutamaan
19. Pemeriksaan permulaan
20. Permintaan untuk pemeriksaan substantif
21. Pemeriksaan substantif
22. Permohonan untuk pendaftaran varieti baru tumbuhan dan pemberian hak pembiak baka hendaklah disiarkan
23. Bangkangan terhadap permohonan untuk pendaftaran suatu varieti baru tumbuhan dan pemberian hak pembiak baka
24. Jawapan daripada pemohon
25. Pemfailan keterangan dokumentar sebagai sokongan
26. Kegagalan memfailkan keterangan dokumentar
27. Penyimpanan sampel
28. Pendaftaran varieti baru tumbuhan dan pemberian hak pembiak baka
29. Daftar

BAHAGIAN IV

HAK, BATASAN DAN KEWAJIPAN SESEORANG PEMEGANG

30. Ruang lingkup hak pembiak baka
31. Batasan hak pembiak baka
32. Tempoh hak pembiak baka
33. Pelanjutan tempoh hak pembiak baka
34. Kebolehdapatan bahan pembiakan
35. Kewajipan seseorang pemegang

BAHAGIAN V

LESEN WAJIB

36. Lesen wajib

Seksyen

37. Ruang lingkup dan syarat-syarat lesen wajib
38. Penamatan lesen wajib

BAHAGIAN VI

KETIDAKSAHAN, PEMBATALAN, PENYERAHAN DAN
PENYERAHHAKAN ATAU PERPINDAHAN

39. Ketidaksahan hak pembiak baka
40. Tarikh dan kuat kuasa ketidaksahan
41. Pembatalan hak pembiak baka
42. Penyerahan hak pembiak baka
43. Penyerahhakan atau perpindahan hak pembiak baka

BAHAGIAN VII

RAYUAN

44. Rayuan
45. Lembaga Rayuan
46. Keputusan Menteri

BAHAGIAN VIII

PELANGGARAN

47. Perbuatan yang disifatkan sebagai pelanggaran
48. Prosiding pelanggaran
49. Injunksi dan award ganti rugi

BAHAGIAN IX

KESALAHAN

50. Kesalahan berkenaan dengan memberikan apa-apa butir, dsb., yang palsu atau mengelirukan
51. Kesalahan berkenaan dengan pelanggaran terma dan syarat dan penggunaan sampel tanpa kebenaran
52. Kesalahan oleh pertubuhan perbadanan

BAHAGIAN X

PENGUATKUASAAN

Seksyen

53. Pemberian kuasa kepada pegawai
54. Kuasa penguatkuasaan
55. Kuasa penyiasatan
56. Kuasa tambahan

BAHAGIAN XI

PELBAGAI

57. Pemulaan pendakwaan
58. Bidang kuasa untuk membicarakan kesalahan
59. Perlindungan pegawai
60. Peraturan-peraturan

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 634

***AKTA PERLINDUNGAN VARIETI BARU TUMBUHAN 2004**

Suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi perlindungan hak pembiak baka bagi varieti baru tumbuhan, dan pengiktirafan serta perlindungan ke atas sumbangan yang dibuat oleh petani, masyarakat tempatan dan pribumi terhadap pewujudan varieti baru tumbuhan; untuk menggalakkan pelaburan dan pembangunan dalam pembiakbakaan varieti baru tumbuhan dalam sektor awam dan swasta; dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berhubungan dengannya.

[]

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Perlindungan Varieti Baru Tumbuhan 2004.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

Tafsiran

2. Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“bahan pembiakan” ertinya apa-apa bahan atau tumbuhan, atau mana-mana bahagian tumbuhan, yang digunakan untuk penggandaan atau penghasilan semula;

*CATATAN—Akta ini masih belum berkuat kuasa.

“biak baka” ertinya menjalankan aktiviti yang sesuai bagi pembangunan apa-apa varieti tumbuhan;

“ditetapkan” ertinya ditetapkan oleh peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini;

“hak pembiak baka” ertinya hak yang diberikan apabila varieti baru tumbuhan didaftarkan di bawah Akta ini;

“Kementerian” ertinya Kementerian yang pada masa ini bertanggungjawab bagi pertanian;

“Kumpulan Wang” ertinya Kumpulan Wang Varieti Tumbuhan yang ditubuhkan di bawah seksyen 10;

“Lembaga” ertinya Lembaga Varieti Tumbuhan yang ditubuhkan di bawah seksyen 3;

“lesen wajib” ertinya pemberian kuasa oleh Lembaga di bawah seksyen 36 untuk dilaksanakan di Malaysia apa-apa perbuatan yang disebut dalam subseksyen 30(1) tanpa kebenaran atau persetujuan pemegang;

“masyarakat tempatan” ertinya suatu kumpulan individu yang telah menetap bersama dan mewarisi secara berterusan proses dan budaya pengeluaran atau suatu kumpulan orang yang menetap bersama dalam suatu kampung atau kawasan dan di bawah suatu sistem ekobudaya;

“menemui dan membangunkan” ertinya aktiviti yang menuju kepada pemaparan fenotip yang diingini dan memberi kesan pada genotip tanaman dan yang mungkin atau mungkin tidak akan melibatkan ciptaan kepelbagaian genetik yang sengaja atau tiruan;

“Menteri” ertinya Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi varieti tumbuhan;

“nama pengenalan” ertinya nama atau pengenalan bagi sesuatu varieti tumbuhan yang dinyatakan dengan abjad atau gabungan abjad dan angka yang ditulis dalam apa-apa bahasa;

“orang” termasuklah suatu kumpulan orang, diperbadankan atau tidak diperbadankan;

“pegawai diberi kuasa” ertinya seseorang pegawai yang diberi kuasa di bawah subseksyen 53(1);

“pemiak baka” ertinya seseorang yang telah membiakbakakan atau telah menemui dan membangunkan mana-mana varieti tumbuhan;

“pemegang” ertinya pemegang hak pemiak baka;

“pemegang lesen” ertinya mana-mana orang, agensi atau syarikat yang telah diberi suatu lesen wajib oleh Lembaga di bawah seksyen 36;

“Pemeriksa” ertinya mana-mana orang, jabatan kerajaan atau organisasi yang dilantik oleh Lembaga bagi maksud menjalankan pemeriksaan substantif di bawah seksyen 21;

“petani” ertinya mana-mana orang yang—

- (a) menanam tanaman dengan cara menanam tanaman itu sendiri di tanah;
- (b) menanam tanaman dengan cara menyelia secara langsung penanaman tanaman itu di tanah melalui mana-mana orang lain; atau
- (c) memulihara dan memelihara, secara berasingan atau bersesama dengan mana-mana orang apa-apa varieti tanaman tradisional atau menambahkan nilai kepada varieti tradisional melalui pemilihan dan pengenalpastian ciri-ciri berguna varieti tersebut;

“petani kecil” ertinya seseorang petani yang perusahaannya tidak melebihi saiz tanah yang ditetapkan oleh Menteri;

“pribumi” ertinya orang yang termasuk dalam takrif “orang asli” atau “anak negeri” sebagaimana yang masing-masingnya ditakrifkan dalam Fasal (2) Perkara 160 dan Fasal (6) Perkara 161A Perlembagaan Persekutuan;

“pusat” ertinya mana-mana tempat yang diluluskan oleh Lembaga bagi penyimpanan apa-apa sampel biji benih atau bahan pembiakan di bawah seksyen 27;

“sampel” termasuklah biji benih dan apa-apa bahan pembiakan yang lain yang boleh digunakan untuk pertumbuhan semula;

“tumbuhan” ertinya apa-apa organisma hidup dalam alam tumbuhan tetapi tidak termasuk apa-apa mikroorganisma;

“varieti” ertinya suatu kumpulan tumbuhan dalam satu taksonomi botani tunggal daripada peringkat terendah yang diketahui—

- (a) yang dapat ditakrifkan dengan pemaparan ciri-ciri hasil daripada satu genotip tertentu atau satu gabungan genotip;
- (b) yang dapat dibezakan daripada mana-mana kumpulan tumbuhan yang lain dengan pemaparan sekurang-kurangnya satu daripada ciri-ciri sedemikian; dan
- (c) yang dapat dianggap sebagai suatu unit berkenaan dengan kesesuaiannya untuk dibiakkan tanpa sebarang perubahan,

dan termasuklah bahan pembiakan dan bahan tuaian varieti tumbuhan itu;

“varieti tumbuhan terbitan daripada asal” ertinya suatu varieti tumbuhan yang—

- (a) kebanyakannya diterbitkan daripada varieti tumbuhan asas, atau daripada suatu varieti tumbuhan yang kebanyakannya diterbitkan daripada varieti tumbuhan asas, sambil mengekalkan pemaparan ciri-ciri asasnya yang dihasilkan daripada genotip atau gabungan genotip varieti tumbuhan asas;
- (b) dapat dibezakan dengan jelas daripada varieti tumbuhan asas; dan
- (c) kecuali bagi perbezaan yang timbul kerana perbuatan penerbitan, menyamai varieti tumbuhan asas dalam pemaparan ciri-ciri asas yang timbul daripada genotip atau gabungan genotip varieti tumbuhan asas;

“varieti tumbuhan berdaftar” ertinya suatu varieti tumbuhan yang telah didaftarkan sebagai suatu varieti baru tumbuhan dan yang baginya suatu hak pembiak baka telah diberikan di bawah Akta ini;

“wakil diri di sisi undang-undang”, berhubung dengan orang yang telah mati, ertinya orang yang kepadanya probet wasiat oleh orang yang telah mati itu atau surat pentadbiran harta pusaka orang yang telah mati itu telah diberikan sama ada di Malaysia atau di luar Malaysia.

BAHAGIAN II

LEMBAGA VARIETI TUMBUHAN

Penubuhan Lembaga

3. Suatu lembaga dengan nama “Lembaga Varieti Tumbuhan” ditubuhkan.

Fungsi dan kuasa Lembaga

4. (1) Fungsi Lembaga ialah—

- (a) melaksanakan tugas dan fungsi dan menjalankan kuasa sebagaimana yang diperuntukkan dalam Akta ini;
- (b) menetapkan sistem yang sesuai bagi pemeriksaan varieti baru tumbuhan;
- (c) mempertimbangkan dan meluluskan atau menolak permohonan untuk pendaftaran varieti baru tumbuhan dan pemberian hak pembiak baka;
- (d) mengenakan fi atau caj pentadbiran yang kena dibayar di bawah Akta ini;
- (e) menetapkan terma dan syarat mengenai sampel varieti tumbuhan berdaftar yang disimpan di pusat yang diluluskan oleh Lembaga di bawah seksyen 27;
- (f) mengenakan apa-apa terma dan syarat bagi penggunaan penyelidikan dan uji kaji atau eksport mana-mana varieti tumbuhan berdaftar yang dihasilkan daripada sumber genetik tempatan atau oleh pribumi;
- (g) menyimpan dan menyenggara suatu rekod varieti tumbuhan yang lain yang tidak didaftarkan dalam Daftar Varieti Baru Tumbuhan;

- (h) mentadbir dan mengawal Kumpulan Wang Varieti Tumbuhan;
- (i) melantik mana-mana orang, jabatan kerajaan atau organisasi menjadi Pemeriksa bagi maksud menjalankan pemeriksaan substantif di bawah seksyen 21;
- (j) membatalkan, menyerahkan, menyerahhakkan atau memindahkan apa-apa hak pembiak baka yang diberikan di bawah Akta ini;
- (k) menasihatkan Menteri tentang segala perkara yang berkaitan dengan Akta ini; dan
- (l) melakukan apa-apa perkara lain yang difikirkan patut bagi membolehkannya melaksanakan fungsi-fungsinya dengan berkesan atau yang bersampingan dengan pelaksanaan fungsi-fungsinya.

(2) Lembaga hendaklah mempunyai segala kuasa yang perlu bagi atau yang berkaitan dengan pelaksanaan fungsinya di bawah subseksyen (1) atau yang semunasabahnya bersampingan dengan pelaksanaan fungsi itu.

Keanggotaan Lembaga

5. (1) Lembaga hendaklah terdiri daripada anggota yang berikut:

- (a) Ketua Pengarah Jabatan Pertanian, Semenanjung Malaysia yang hendaklah menjadi Pengerusi;
- (b) Ketua Pengarah Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia;
- (c) Ketua Pengarah Lembaga Getah Malaysia;
- (d) Ketua Pengarah Lembaga Kelapa Sawit Malaysia;
- (e) Ketua Pengarah Lembaga Koko Malaysia;
- (f) Ketua Pengarah Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia;
- (g) Pengarah Pertanian, Sabah;
- (h) Pengarah Pertanian, Sarawak;

- (i) seorang wakil daripada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani;
- (j) seorang wakil daripada Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi;
- (k) seorang wakil daripada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna; dan
- (l) seorang wakil daripada Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi.

(2) Menteri hendaklah melantik seorang pegawai kanan Jabatan Pertanian, Semenanjung Malaysia, untuk menjadi Setiausaha kepada Lembaga.

Anggota silih ganti

6. (1) Menteri boleh melantik seorang anggota silih ganti berkenaan dengan setiap anggota Lembaga di bawah perenggan 5(1)(a) hingga (h) untuk menghadiri mesyuarat Lembaga sebagai ganti anggota itu jika anggota itu tidak dapat hadir atas apa-apa sebab.

(2) Apabila menghadiri mesyuarat Lembaga sebagai ganti seseorang anggota, seorang anggota silih ganti hendaklah bagi segala maksud disifatkan sebagai anggota Lembaga.

Mesyuarat Lembaga

7. (1) Pengerusi hendaklah mempengerusikan tiap-tiap mesyuarat Lembaga.

(2) Walau apa pun subseksyen (1), jika kerana apa-apa sebab Pengerusi tidak dapat menghadiri sesuatu mesyuarat Lembaga, anggota yang hadir hendaklah memilih seorang daripada kalangan anggota yang hadir untuk mempengerusikan mesyuarat itu, dan anggota yang dipilih itu hendaklah menjalankan kuasa Pengerusi bagi tempoh mesyuarat itu dan hendaklah disifatkan sebagai Pengerusi bagi maksud mesyuarat itu.

(3) Korum Lembaga ialah enam orang.

(4) Jika atas apa-apa persoalan untuk ditentukan oleh Lembaga terdapat persamaan undi, Pengerusi hendaklah mempunyai undi pemutus.

(5) Lembaga hendaklah bermesyuarat di tempat dan pada masa yang ditetapkan oleh Pengerusi.

Lembaga boleh mengundang orang lain untuk menghadiri mesyuarat

8. Lembaga boleh mengundang mana-mana orang lain untuk menghadiri mana-mana mesyuarat Lembaga bagi maksud menasihati Lembaga mengenai apa-apa perkara yang dibincangkan, tetapi orang itu tiada hak untuk mengundi pada mesyuarat itu.

Peruntukan kemudahan oleh Kementerian

9. Kementerian hendaklah memperuntukkan Lembaga dengan kakitangan, dana dan kemudahan lain yang perlu untuk membolehkannya menjalankan fungsinya.

Kumpulan Wang Varieti Tumbuhan

10. (1) Suatu kumpulan wang yang dikenali sebagai “Kumpulan Wang Varieti Tumbuhan” yang hendaklah ditadbirkan dan dikawal oleh Lembaga adalah ditubuhkan.

(2) Kumpulan Wang hendaklah terdiri daripada—

- (a) jumlah yang diperuntukkan dari semasa ke semasa oleh Kerajaan atau mana-mana Kerajaan Negeri bagi maksud Akta ini; dan
- (b) wang, fi dan caj lain yang diterima oleh Lembaga di bawah Akta.

Perbelanjaan hendaklah dipertanggungjawabkan pada Kumpulan Wang

11. Kumpulan Wang hendaklah dibelanjakan bagi maksud membayar apa-apa perbelanjaan yang dilakukan oleh Lembaga bagi melaksanakan peruntukan Akta ini.

BAHAGIAN III

TATACARA DAN SYARAT-SYARAT BAGI PERMOHONAN
UNTUK PENDAFTARAN VARIETI BARU TUMBUHAN DAN
PEMBERIAN HAK PEMBIAK BAKA

Permohonan untuk pendaftaran varieti baru tumbuhan dan pemberian hak pembiak baka

12. (1) Sesuatu permohonan untuk pendaftaran sesuatu varieti baru tumbuhan dan pemberian hak pembiak baka hendaklah dibuat kepada Lembaga mengikut cara yang ditetapkan dan hendaklah—

- (a) menyatakan nama, alamat, kerakyatan dan butir-butir lain pemohon;
- (b) menyatakan kaedah bagaimana varieti tumbuhan itu dibangunkan;
- (c) disokong dengan dokumen dan maklumat yang berhubungan dengan ciri-ciri varieti tumbuhan itu yang membezakan varieti tumbuhan itu dengan varieti tumbuhan yang lain;
- (d) menyatakan nama pengenalan varieti tumbuhan mengikut seksyen 16;
- (e) mengandungi maklumat yang berhubungan dengan sumber bahan genetik atau jurai induk terdekat varieti tumbuhan itu;
- (f) disertakan dengan kebenaran bertulis yang diberikan terlebih dahulu oleh pihak berkuasa yang mewakili masyarakat tempatan atau pribumi dalam hal jika varieti tumbuhan itu dibangunkan daripada varieti tradisional;
- (g) disokong dengan dokumen yang berhubungan dengan pematuhan apa-apa undang-undang yang mengawal selia akses kepada sumber genetik atau biologi; dan
- (h) disokong dengan dokumen yang berhubungan dengan pematuhan apa-apa undang-undang yang mengawal selia aktiviti yang melibatkan organisma yang telah diubahsuaikan dari segi genetik dalam hal jika pembangunan varieti baru tumbuhan itu melibatkan pengubahsuaian genetik.

(2) Suatu permohonan di bawah subseksyen (1) hendaklah disertakan dengan fi yang ditetapkan.

Orang yang boleh memohon untuk pendaftaran varieti baru tumbuhan dan pemberian hak pembiak baka

13. (1) Permohonan untuk pendaftaran suatu varieti baru tumbuhan dan pemberian suatu hak pembiak baka di bawah seksyen 12 hanya boleh dibuat oleh—

- (a) pembiak baka;
- (b) majikan pembiak baka itu;
- (c) pengganti dalam hak milik pembiak baka itu;
- (d) seorang petani atau sekumpulan petani, masyarakat tempatan atau pribumi yang telah menjalankan fungsi seorang pembiak baka;
- (e) mana-mana kerajaan atau badan berkanun yang telah menjalankan fungsi pembiak baka.

(2) Jika tempat bermastautin biasa atau tempat utama perniagaan pemohon adalah di luar Malaysia atau jika pemohon merupakan sekumpulan petani, pemohon hendaklah melantik seorang ejen yang bermastautin atau yang mempunyai suatu pejabat berdaftar di Malaysia yang kepadanya notis atau proses yang berhubungan dengan permohonan untuk pendaftaran dan pemberian hak pembiak baka dan perkara lain yang berhubungan dengan permohonan atau hak pembiak itu boleh disampaikan, dan jika pemohon tidak melantik ejen sedemikian, Lembaga boleh enggan meneruskan permohonan itu sehingga ejen itu telah dilantik.

(3) Jika pemohon ialah suatu masyarakat tempatan atau seorang pribumi, maka pihak berkuasa yang mewakili masyarakat tempatan atau pribumi itu hendaklah menjadi ejen bagi pemohon itu dan notis atau proses yang berhubungan dengan permohonan dan perkara lain yang berhubungan dengan pendaftaran suatu varieti baru tumbuhan atau hak pembiak baka boleh disampaikan kepadanya.

Syarat-syarat bagi pendaftaran varieti baru tumbuhan dan pemberian hak pembiak baka

14. (1) Tertakluk kepada seksyen 15 dan 16, suatu varieti baru tumbuhan hendaklah didaftarkan sebagai suatu varieti baru tumbuhan dan diberikan hak pembiak baka jika varieti tumbuhan itu baru, berlainan, seragam dan stabil.

(2) Walau apa pun subseksyen (1), jika varieti tumbuhan itu dibiakkan, atau ditemui dan dibangunkan oleh petani, masyarakat tempatan atau pribumi, varieti tumbuhan itu boleh didaftarkan sebagai suatu varieti baru tumbuhan dan diberi suatu hak pembiak baka jika varieti tumbuhan itu baru, berlainan dan dapat dikenal pasti.

(3) Bagi maksud subseksyen (1) dan (2)—

(a) sesuatu varieti tumbuhan adalah baru jika pada tarikh pemfailan permohonan untuk pendaftaran dan pemberian hak pembiak baka, bahan pembiakan atau tuaian varieti tumbuhan itu belum dijual atau selainnya dilupuskan secara komersial oleh atau dengan persetujuan pembiak baka—

(i) di Malaysia, lebih awal daripada satu tahun sebelum tarikh pemfailan permohonan untuk pendaftaran varieti baru tumbuhan dan pemberian hak pembiak baka; dan

(ii) di negara lain—

(A) lebih awal daripada enam tahun sebelum tarikh pemfailan permohonan untuk pendaftaran suatu varieti baru tumbuhan dan pemberian hak pembiak baka berkenaan dengan pokok dan tumbuhan menjalar; dan

(B) lebih awal daripada empat tahun sebelum tarikh pemfailan permohonan untuk pendaftaran suatu varieti baru tumbuhan dan pemberian hak pembiak baka berkenaan dengan varieti tumbuhan lain;

(b) sesuatu varieti tumbuhan adalah berlainan jika pada tarikh pemfailan permohonan untuk pendaftaran suatu varieti baru tumbuhan dan pemberian hak pembiak baka varieti

tumbuhan itu dapat dibezakan dengan jelas daripada mana-mana varieti tumbuhan lain, yang kewujudannya merupakan suatu perkara yang diketahui umum;

- (c) sesuatu varieti tumbuhan adalah seragam jika, tertakluk kepada perubahan yang dapat dijangka daripada sifat tertentu pembiakannya, varieti tumbuhan itu seragam dengan secukupnya dalam ciri-cirinya yang berkaitan;
- (d) sesuatu varieti tumbuhan adalah stabil jika ciri-cirinya yang berkaitan masih tidak berubah selepas pembiakan berulang kali atau, dalam hal suatu kitaran pembiakan yang tertentu, pada penghujung setiap kitaran tertentu itu;
- (e) sesuatu varieti tumbuhan boleh dikenal pasti jika—
 - (i) varieti tumbuhan itu dapat dibezakan daripada mana-mana kumpulan tumbuhan yang lain melalui pemaparan satu ciri dan ciri tersebut dapat dikenal pasti dalam tumbuhan individu atau dalam dan meliputi suatu kumpulan tumbuh-tumbuhan; dan
 - (ii) ciri-ciri tersebut boleh dikenal pasti oleh mana-mana orang yang mahir dalam bidang yang berkaitan.

Larangan pendaftaran dan pemberian hak pembiak baka

15. Lembaga tidak boleh meluluskan pendaftaran sesuatu varieti baru tumbuhan dan pemberian hak pembiak baka kepada mana-mana orang berkenaan dengan apa-apa varieti tumbuhan—

- (a) yang boleh menjejaskan ketenteraman awam atau prinsip moral; atau
- (b) jika terdapat alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa penanaman, penghasilan semula atau apa-apa kegunaan lain varieti tumbuhan itu boleh mengakibatkan suatu kesan negatif terhadap alam sekitar.

Nama pengenalan varieti baru tumbuhan

16. (1) Nama pengenalan suatu varieti baru tumbuhan yang mana pendaftarannya oleh Lembaga dipohon—

- (a) hendaklah merupakan gelaran bagi genetik varieti tumbuhan itu;

- (b) mestilah membolehkan varieti tumbuhan itu dikenal pasti;
- (c) tidak boleh semata-mata terdiri daripada angka; dan
- (d) hendaklah berbeza daripada nama pengenalan varieti tumbuhan lain yang mengenal pasti suatu varieti tumbuhan yang sedia ada dalam spesies tumbuhan yang sama atau dalam suatu spesies yang dekat hubungannya.

(2) Lembaga boleh menolak mana-mana nama pengenalan sesuatu varieti tumbuhan yang—

- (a) tidak memenuhi kehendak subseksyen (1);
- (b) bertentangan dengan kepentingan awam atau prinsip moral;
- (c) tidak sesuai bagi mengenal pasti varieti tumbuhan; atau
- (d) boleh menyebabkan kekeliruan berkenaan dengan ciri atau identiti pembiak baka varieti tumbuhan itu.

(3) Jika nama pengenalan bagi sesuatu varieti tumbuhan ditolak oleh Lembaga di bawah subseksyen (2), Lembaga boleh menghendaki pemohon memberikan nama pengenalan yang baru dalam masa yang ditentukan.

(4) Jika suatu nama pengenalan yang baru sebagaimana yang dikehendaki di bawah subseksyen (3) tidak diberikan oleh pemohon dalam masa yang ditentukan oleh Lembaga, maka permohonan itu hendaklah disifatkan telah ditarik balik dan tidak boleh diteruskan selanjutnya, tetapi tanpa menjejaskan hak pemohon itu untuk membuat permohonan yang baru.

(5) Nama pengenalan sesuatu varieti tumbuhan berdaftar hendaklah digunakan apabila varieti tumbuhan itu ditawarkan untuk jualan secara komersial dan jika suatu cap dagangan, nama dagangan atau penunjuk lain yang serupa yang digunakan bersama dengan nama pengenalan itu, maka nama pengenalan varieti tumbuhan berdaftar itu mestilah terus mudah dikenali.

(6) Walaupun tempoh hak pembiak baka berkenaan dengan sesuatu varieti tumbuhan telah tamat, mana-mana orang yang menawarkan untuk jualan secara komersial apa-apa bahan pembiakan sesuatu varieti tumbuhan berdaftar hendaklah terus menggunakan nama pengenalan varieti tumbuhan berdaftar itu.

Tarikh pemfailan

17. Tarikh pemfailan sesuatu permohonan untuk pendaftaran suatu varieti baru tumbuhan dan pemberian hak pembiak baka ialah tarikh permohonan itu diterima oleh Lembaga dengan syarat permohonan itu hendaklah mematuhi kehendak-kehendak seksyen 12.

Hak keutamaan

18. Tertakluk kepada seksyen 17, jika dua atau lebih permohonan untuk pendaftaran suatu varieti baru tumbuhan dan pemberian hak pembiak baka diterima oleh Lembaga berkenaan dengan varieti tumbuhan yang sama, keutamaan hendaklah diberikan kepada permohonan yang diutamakan suatu tarikh pemfailan yang lebih awal oleh Lembaga.

Pemeriksaan permulaan

19. (1) Jika suatu permohonan untuk pendaftaran suatu varieti baru tumbuhan dan pemberian hak pembiak baka mempunyai suatu tarikh pemfailan dan permohonan itu tidak ditarik balik, Lembaga hendaklah memeriksa permohonan itu dan menentukan sama ada permohonan itu mematuhi kehendak-kehendak seksyen 15 dan 16.

(2) Jika Lembaga, hasil daripada pemeriksaan di bawah subseksyen (1), mendapati bahawa kehendak-kehendak seksyen 15 dan 16 tidak dipatuhi, Lembaga hendaklah memberi pemohon peluang untuk memberikan apa-apa pandangan tentang dapatan itu dan untuk meminda permohonan itu dalam tempoh yang ditentukan supaya kehendak-kehendak itu dipatuhi, dan jika pemohon gagal berbuat demikian, Lembaga boleh menolak permohonan itu.

(3) Jika Lembaga, hasil daripada pemeriksaan di bawah subseksyen (1), mendapati bahawa kehendak-kehendak seksyen 15 dan 16 telah dipatuhi, Lembaga hendaklah memberitahu pemohon secara bertulis dengan seberapa segera yang dapat dilaksanakan.

Permintaan untuk pemeriksaan substantif

20. (1) Jika sesuatu permohonan untuk pendaftaran suatu varieti baru tumbuhan dan pemberian hak pembiak baka telah diperiksa

di bawah seksyen 19 dan pemohon telah diberitahu di bawah subseksyen 19(3), pemohon itu hendaklah memfailkan dalam tempoh yang ditentukan suatu permintaan untuk pemeriksaan substantif bagi permohonan itu.

(2) Permintaan untuk pemeriksaan substantif di bawah subseksyen (1)—

- (a) hendaklah dibuat dalam borang yang ditetapkan;
- (b) hendaklah disertakan dengan fi yang ditetapkan; dan
- (c) jika diminta oleh Lembaga, hendaklah memberikan kuantiti yang ditentukan bahan pembiakan yang dikehendaki bagi maksud pemeriksaan substantif itu.

Pemeriksaan substantif

21. (1) Jika suatu permintaan untuk pemeriksaan substantif telah dibuat di bawah seksyen 20, Lembaga hendaklah merujuk permohonan itu kepada seorang Pemeriksa yang—

- (a) hendaklah menentukan sama ada permohonan itu mematuhi kehendak seksyen 14; dan
- (b) hendaklah melaporkan penentuannya kepada Lembaga.

(2) Jika Pemeriksa melaporkan mengikut subseksyen (1) bahawa kehendak seksyen 14 tidak dipatuhi, Lembaga hendaklah memberi pemohon peluang untuk memberikan apa-apa pandangan tentang laporan itu dan untuk meminda permohonan itu supaya mematuhi kehendak itu dalam tempoh yang ditentukan.

(3) Jika pemohon gagal untuk memuaskan hati Lembaga dalam tempoh yang ditentukan bahawa kehendak seksyen 14 telah dipatuhi atau untuk meminda permohonan itu supaya mematuhi kehendak itu, maka Lembaga hendaklah menolak permohonan untuk pendaftaran suatu varieti baru tumbuhan dan pemberian hak pembiak baka itu.

(4) Jika Pemeriksa melaporkan mengikut subseksyen (1) bahawa permohonan itu sebagaimana yang mula-mula difailkan atau sebagaimana yang dipinda mematuhi kehendak seksyen 14, Pemeriksa hendaklah memaklumkan Lembaga secara bertulis tentang dapatan pemeriksaannya itu.

Permohonan untuk pendaftaran varieti baru tumbuhan dan pemberian hak pembiak baka hendaklah disiarkan

22. Jika Lembaga berpuas hati bahawa permohonan untuk pendaftaran suatu varieti baru tumbuhan dan pemberian hak pembiak baka telah mematuhi kehendak Akta ini, Lembaga hendaklah menyebabkan permohonan itu disiarkan dalam *Warta*.

Bangkangan terhadap permohonan untuk pendaftaran suatu varieti baru tumbuhan dan pemberian hak pembiak baka

23. (1) Mana-mana orang yang berkepentingan boleh, dalam masa tiga bulan dari tarikh penyiaran suatu permohonan untuk pendaftaran suatu varieti baru tumbuhan dan pemberian hak pembiak baka, memberikan notis kepada Lembaga dan pemohon mengenai niatnya untuk membangkang permohonan itu atas mana-mana alasan atau gabungan alasan yang berikut:

- (a) bahawa orang yang membangkang permohonan itu berhak kepada hak pembiak baka itu jika berbanding dengan pemohon;
- (b) bahawa permohonan untuk pendaftaran varieti baru tumbuhan itu dan pemberian hak pembiak baka tidak mematuhi kehendak Akta ini;
- (c) bahawa permohonan untuk pendaftaran varieti baru tumbuhan dan pemberian hak pembiak baka itu bertentangan dengan ketenteraman awam atau prinsip moral;
- (d) bahawa permohonan untuk pendaftaran varieti baru tumbuhan dan pemberian hak pembiak baka itu boleh mengakibatkan suatu kesan negatif terhadap alam sekitar.

(2) Notis itu hendaklah secara bertulis mengikut cara yang dinyatakan oleh Lembaga dan hendaklah mengandungi suatu pernyataan alasan bangkangan itu.

Jawapan daripada pemohon

24. (1) Pemohon hendaklah dalam masa tiga puluh hari selepas menerima notis bangkangan itu menghantar suatu jawapan kepada Lembaga dan pembangkang itu, mengikut cara yang ditentukan oleh Lembaga secara bertulis, menyatakan alasan bagi permohonan untuk pendaftaran dan pemberian hak pembiak baka.

(2) Jika pemohon gagal untuk memberikan jawapan kepada bangkangan itu dalam tempoh yang dinyatakan dalam subseksyen (1) atau, jika tempoh itu telah dilanjutkan oleh Lembaga, dalam tempoh tambahan itu, pemohon hendaklah disifatkan tidak lagi mahu meneruskan permohonannya untuk pendaftaran varieti baru tumbuhan dan pemberian hak pembiak baka.

Pemfailan keterangan dokumentar sebagai sokongan

25. (1) Jika pemohon mengemukakan suatu jawapan di bawah subseksyen 24(1), pembangkang dan pemohon hendaklah memfailkan keterangan dokumentar yang menyokong bangkangan atau permohonan untuk pendaftaran varieti baru tumbuhan dan pemberian hak pembiak baka, mengikut mana-mana yang berkenaan, dengan Lembaga.

(2) Apa-apa keterangan dokumentar yang hendak difailkan oleh pembangkang atau pemohon di bawah subseksyen (1) hendaklah difailkan dalam tempoh dan mengikut cara yang dinyatakan oleh Lembaga secara bertulis.

(3) Jika pemohon memfailkan keterangan dokumentar yang menyokong permohonannya, pembangkang boleh diberi peluang, dalam masa yang dinyatakan oleh Lembaga secara bertulis, untuk mengemukakan kepada Lembaga dan pemohon keterangan jawapan yang hendak dikemukakan mengikut cara yang dinyatakan oleh Lembaga secara bertulis.

(4) Selepas menimbangkan keterangan dokumentar yang difailkan oleh pembangkang dan pemohon, dan selepas memberikan peluang kepada kedua-dua pihak untuk membuat hujah, Lembaga hendaklah memutuskan sama ada—

(a) akan menolak permohonan untuk pendaftaran varieti baru tumbuhan dan pemberian hak pembiak baka; atau

(b) akan meluluskan permohonan itu.

(5) Lembaga hendaklah, dalam tempoh dua bulan selepas membuat keputusan di bawah subseksyen (4), memberikan alasan keputusannya secara bertulis.

Kegagalan memfailkan keterangan dokumentar

26. (1) Jika pemohon gagal untuk memfailkan keterangan dokumentar sebagaimana yang dikehendaki di bawah subseksyen 25(1), Lembaga boleh menganggap permohonan untuk pendaftaran varieti baru tumbuhan dan pemberian hak pembiak baka itu tidak lagi mahu diteruskan.

(2) Jika pembangkang gagal memfailkan keterangan dokumentar sebagaimana yang dikehendaki di bawah subseksyen 25(1), Lembaga boleh menganggap bangkangan itu tidak lagi mahu diteruskan dan hendaklah meluluskan permohonan untuk pendaftaran varieti baru tumbuhan dan pemberian hak pembiak baka itu.

Penyimpanan sampel

27. Jika suatu permohonan untuk pendaftaran varieti baru tumbuhan dan pemberian hak pembiak baka telah diluluskan oleh Lembaga dan pemohon telah diberitahu secara bertulis, pemohon hendaklah, dalam masa yang ditentukan oleh Lembaga, menyimpan sampel biji benih atau apa-apa bahan pembiakan lain varieti tumbuhan itu dalam kuantiti yang ditentukan oleh Lembaga di suatu pusat yang diluluskan oleh Lembaga.

Pendaftaran varieti baru tumbuhan dan pemberian hak pembiak baka

28. (1) Jika Lembaga berpuas hati bahawa pemohon telah mematuhi kehendak seksyen 27, Lembaga hendaklah mendaftarkan varieti baru tumbuhan dan memberikan hak pembiak baka kepada pemohon dan hendaklah—

- (a) mengeluarkan suatu perakuan pendaftaran varieti baru tumbuhan itu dan pemberian hak pembiak baka dalam bentuk yang ditetapkan kepada pemohon;
- (b) merekodkan nama pengenalan varieti baru tumbuhan itu dan pendaftaran varieti baru tumbuhan dan pemberian suatu hak pembiak baka dalam Daftar Varieti Baru Tumbuhan; dan
- (c) menyiarkan dalam *Warta* suatu rujukan mengenai pendaftaran varieti baru tumbuhan dan pemberian suatu hak pembiak baka itu.

(2) Kandungan perakuan hak pembiak baka hendaklah menjadi keterangan *prima facie* tentang fakta yang dinyatakan dalam perakuan itu dan tempoh perlindungan yang diberikan.

Daftar

29. (1) Lembaga hendaklah menyimpan dan menyenggara suatu Daftar yang dinamakan Daftar Varieti Baru Tumbuhan.

(2) Daftar itu hendaklah disimpan dalam apa-apa bentuk dan hendaklah mengandungi apa-apa butir sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga.

(3) Daftar itu hendaklah tersedia bagi pemeriksaan oleh orang ramai tertakluk kepada syarat-syarat yang dianggap patut oleh Lembaga.

(4) Sesuatu salinan atau cabutan mana-mana catatan dalam Daftar yang diperakui benar oleh Setiausaha Lembaga dengan sewajarnya hendaklah diberikan kepada mana-mana orang yang meminta salinan atau cabutan itu apabila dibayar fi yang ditetapkan.

BAHAGIAN IV

HAK, BATASAN DAN KEWAJIPAN SESEORANG PEMEGANG

Ruang lingkup hak pembiak baka

30. (1) Tertakluk kepada seksyen 31, seseorang pemegang hak pembiak baka hendaklah, berkenaan dengan varieti tumbuhan berdaftar yang baginya hak itu diberikan, mempunyai hak untuk melakukan semua atau mana-mana perbuatan yang berikut secara komersial:

- (a) menghasil atau menghasilkan semula;
- (b) menyesuaikan untuk tujuan pembiakan;
- (c) menawarkan untuk jualan;
- (d) memasarkan, termasuk menjual;
- (e) mengeksport;
- (f) mengimport;

(g) menyimpan bahan bagi maksud yang disebutkan dalam perenggan (a) hingga (f).

(2) Hak pembiak baka hendaklah juga meliputi—

- (a) apa-apa bahan pembiakan varieti tumbuhan berdaftar itu, bahan tuaian varieti tumbuhan berdaftar itu dan keseluruhan atau mana-mana bahagian sesuatu varieti tumbuhan jika bahan pembiakan varieti tumbuhan itu diperoleh dengan cara yang tidak dibenarkan daripada varieti tumbuhan berdaftar itu;
- (b) varieti tumbuhan yang pada asalnya diterbitkan daripada varieti tumbuhan berdaftar itu, jika varieti tumbuhan berdaftar itu tidak pada asasnya diterbitkan daripada suatu varieti tumbuhan yang lain;
- (c) varieti tumbuhan yang tidak dapat dibezakan dengan jelas daripada varieti tumbuhan berdaftar itu; atau
- (d) penghasilan varieti tumbuhan lain yang memerlukan penggunaan varieti tumbuhan berdaftar itu secara berulang kali.

(3) Bagi maksud perenggan 30(2)(a), “tidak dibenarkan” berhubung dengan bahan pembiakan ertinya bahan pembiakan itu diperoleh tanpa persetujuan atau kebenaran pemegang.

Batasan hak pembiak baka

31. (1) Hak pembiak baka tidak meliputi—

- (a) apa-apa perbuatan yang dilakukan secara persendirian dan tidak secara komersial;
- (b) apa-apa perbuatan yang dilakukan bagi maksud uji kaji;
- (c) apa-apa perbuatan yang dilakukan bagi maksud pembiakbakaan varieti tumbuhan lain dan apa-apa perbuatan yang disebut dalam perenggan 30(1)(a) hingga (g) berkenaan dengan varieti tumbuhan lain itu, kecuali jika varieti tumbuhan lain itu pada asasnya diterbitkan daripada varieti tumbuhan berdaftar itu;

- (d) apa-apa perbuatan pembiakan oleh petani-petani kecil yang menggunakan bahan tuaian varieti tumbuhan berdaftar yang ditanam di tanah mereka sendiri;
- (e) apa-apa pertukaran bahan pembiakan dalam amaun yang munasabah di kalangan petani-petani kecil; dan
- (f) penjualan biji benih dan ladang sendiri dalam keadaan seseorang petani kecil tidak dapat menggunakan biji benih dari ladang sendiri di atas tanahnya sendiri akibat bencana alam atau kecemasan atau apa-apa faktor lain di luar kawalan petani kecil itu, jika amaun yang dijual tidak melebihi apa yang diperlukan untuk tanahnya sendiri.

(2) Hak pembiak baka yang diberikan di bawah seksyen 30 tidaklah terpakai bagi apa-apa bahan varieti tumbuhan berdaftar atau apa-apa bahan yang diterbitkan daripada bahan itu yang telah dijual di Malaysia secara komersial oleh pembiak baka itu atau oleh mana-mana orang lain dengan kebenarannya, melainkan jika bahan itu digunakan bagi tujuan yang melibatkan—

- (a) pembiakan lanjut varieti tumbuhan berdaftar itu; atau
- (b) pengeksporan bahan itu ke sesuatu negara yang tidak melindungi varieti genus atau spesies tumbuhan yang merangkumi varieti itu dan jika bahan yang dieksporkan itu bukanlah untuk penggunaan terakhir.

Tempoh hak pembiak baka

32. (1) Hak pembiak baka mengenai sesuatu varieti tumbuhan berdaftar hendaklah mula berkuat kuasa mulai dari tarikh pemfailan permohonan untuk pendaftaran varieti tumbuhan itu dan pemberian hak pembiak baka dan hendaklah sah selama tempoh—

- (a) dua puluh tahun bagi varieti tumbuhan berdaftar yang baru, berlainan, seragam dan stabil; atau
- (b) lima belas tahun bagi varieti tumbuhan berdaftar yang baru, berlainan dan dapat dikenal pasti.

(2) Walau apa pun peruntukan subseksyen (1), jika sesuatu permohonan untuk pendaftaran suatu varieti baru tumbuhan dan

pemberian hak pembiak baka dibuat berkenaan dengan pokok atau tumbuhan menjalar, dan permohonan itu telah mematuhi peruntukan Akta ini, Lembaga boleh mendaftarkan varieti tumbuhan itu dan memberikan hak pembiak baka bagi tempoh selama dua puluh lima tahun.

Pelanjutan tempoh hak pembiak baka

33. (1) Walau apa pun peruntukan seksyen 32, Lembaga boleh melanjutkan tempoh sesuatu hak pembiak baka yang diberikan jika Lembaga berpuas hati bahawa pelanjutan itu wajar atas alasan keperluan dan kepentingan negara.

(2) Sesuatu permohonan untuk pelanjutan tempoh sesuatu hak pembiak baka di bawah subseksyen (1) hendaklah dibuat secara bertulis kepada Lembaga oleh pemegang sebelum tamat tempoh hak pembiak baka itu.

Kebolehdapatan bahan pembiakan

34. Pemegang hendaklah memastikan bahawa bahan pembiakan varieti tumbuhan berdaftar yang mempunyai kualiti yang munasabah boleh didapati dalam kuantiti yang munasabah dalam masa tiga tahun dari tarikh permohonan untuk pendaftaran varieti baru tumbuhan itu dan pemberian hak pembiak baka dan pada harga yang munasabah sebagaimana yang boleh ditentukan oleh Lembaga.

Kewajipan seseorang pemegang

35. (1) Pemegang hendaklah sepanjang tempoh hak pembiak baka—

- (a) menyenggara atas perbelanjaannya sendiri sampel yang telah disimpan di pusat yang diluluskan oleh Lembaga di bawah seksyen 27;
- (b) memberi Lembaga apabila diminta oleh Lembaga, bahan pembiakan varieti tumbuhan berdaftar yang boleh dihasilkan semula;

- (c) memberi Lembaga apabila diminta oleh Lembaga, kemudahan dan maklumat berkenaan dengan varieti tumbuhan berdaftar, tanpa apa-apa caj.

(2) Bagi maksud perenggan 35(1)(c), “kemudahan” termasuklah kemudahan bagi menjalankan sesuatu pemeriksaan.

BAHAGIAN V

LESEN WAJIB

Lesen wajib

36. (1) Pada bila-bila masa selepas tamat tempoh tiga tahun dari pemberian suatu hak pembiak baka, jika Lembaga berpuas hati bahawa—

- (a) apa-apa kehendak seksyen 34 tidak dipatuhi dan keperluan masyarakat tani untuk bahan pembiakan varieti tumbuhan berdaftar belum lagi dipenuhi; atau
- (b) sebahagian besar varieti tumbuhan berdaftar itu yang ditawarkan untuk jualan adalah diimport,

Lembaga boleh memberikan suatu lesen wajib kepada mana-mana orang, agensi atau syarikat untuk mengusahakan mana-mana perbuatan yang disebut dalam subseksyen 30(1) berkenaan dengan apa-apa bahan varieti tumbuhan berdaftar itu sama ada dengan atau tanpa kebenaran daripada pemegang walaupun pemegang itu mungkin telah memberikan kebenarannya kepada mana-mana orang lain.

(2) Sebelum memberikan lesen wajib Lembaga hendaklah memberi pemegang suatu notis secara bertulis tentang niatnya untuk berbuat demikian dan memberi pemegang itu hak untuk membuat representasi dalam tempoh yang ditentukan.

(3) Lembaga hendaklah, apabila menimbangkan representasi pemegang, atau jika tiada apa-apa representasi diterima dalam tempoh yang ditentukan, membuat suatu keputusan berkenaan dengan niatnya dan hendaklah memaklumkan keputusannya kepada pemegang dalam tempoh masa yang munasabah.

(4) Jika Lembaga memberikan suatu lesen wajib di bawah subseksyen (1), Lembaga hendaklah menentukan suatu jumlah yang munasabah yang hendaklah dibayar oleh pemegang lesen kepada pemegang sebagai royalti.

Ruang lingkup dan syarat-syarat lesen wajib

37. Apabila memberikan lesen wajib kepada mana-mana orang, agensi atau syarikat, Lembaga hendaklah menentukan—

- (a) ruang lingkup lesen wajib itu dan hak untuk melakukan apa-apa perbuatan yang disebut dalam seksyen 30 kecuali bahawa hak itu tidak boleh meliputi perbuatan pengimportan;
- (b) tempoh lesen wajib; dan
- (c) terma dan syarat lesen wajib.

Penamatan lesen wajib

38. (1) Lembaga hendaklah mempunyai kuasa untuk menamatkan atau membatalkan mana-mana lesen wajib yang diberikan di bawah seksyen 36 jika Lembaga berpuas hati bahawa pemegang lesen telah melanggar mana-mana terma dan syarat lesen wajib itu.

(2) Sebelum menamatkan suatu lesen wajib, Lembaga hendaklah memberikan suatu notis secara bertulis kepada pemegang lesen menghendaki pemegang lesen itu menunjukkan sebab dalam tempoh empat belas hari dari tarikh penerimaan notis mengapa lesen itu tidak patut ditamatkan.

(3) Selepas tamat tempoh empat belas hari dan setelah menimbangkan apa-apa representasi yang dibuat oleh pemegang lesen itu, Lembaga hendaklah memutuskan sama ada akan menamatkan lesen itu atau tidak mengambil tindakan selanjutnya.

(4) Lembaga hendaklah memberikan suatu notis bertulis kepada pemegang lesen tentang keputusannya di bawah subseksyen (3) dengan seberapa segera yang dapat dilaksanakan.

BAHAGIAN VI

KETIDAKSAHAN, PEMBATALAN, PENYERAHAN DAN
PENYERAHHAKAN ATAU PERPINDAHAN

Ketidaksahan hak pembiak baka

39. (1) Mana-mana orang yang berkepentingan boleh memulakan prosiding mahkamah terhadap pemegang untuk mentaksahkan pendaftaran sesuatu varieti baru tumbuhan dan pemberian hak pembiak baka.

(2) Mahkamah hendaklah mentaksahkan sesuatu hak pembiak baka jika orang yang meminta pentaksahan itu membuktikan bahawa—

- (a) pemegang telah memberi Lembaga maklumat atau pernyataan yang palsu atau mengelirukan berkenaan dengan permohonan untuk pendaftaran varieti baru tumbuhan dan pemberian hak pembiak baka itu;
- (b) pemegang tidak mematuhi kehendak Akta ini; atau
- (c) hak pembiak baka itu bukan kepunyaan orang yang kepadanya hak pembiak baka itu telah diberikan.

(3) Walau apa pun subseksyen (2), mahkamah tidak boleh mentaksahkan pendaftaran sesuatu varieti baru tumbuhan dan pemberian hak pembiak baka atas alasan yang disebut dalam perenggan 39(2)(c) jika hak pembiak baka itu telah diserahkan kepada orang yang mempunyai hak mengenai hak pembiak baka itu.

(4) Jika peruntukan subseksyen (1) terpakai hanya bagi beberapa tuntutan atau beberapa bahagian daripada sesuatu tuntutan, maka tuntutan atau bahagian sesuatu tuntutan itu boleh diisytiharkan tidak sah oleh mahkamah dan ketidaksahan sebahagian daripada sesuatu tuntutan itu hendaklah diisytiharkan dalam bentuk suatu batasan yang sepadan bagi tuntutan yang berkenaan.

Tarikh dan kuat kuasa ketidaksahan

40. (1) Apabila keputusan mahkamah menjadi muktamad, Pendaftar mahkamah hendaklah memberitahu Lembaga dan Lembaga hendaklah merekodkan pentidaksahan itu dalam perakuan

pendaftaran varieti baru tumbuhan dan pemberian hak pembiak baka dan dalam Daftar Varieti Baru Tumbuhan dan menyiarkan hakikat pentidaksahan itu dalam *Warta*.

(2) Mana-mana perakuan pendaftaran dan pemberian hak pembiak baka atau tuntutan atau bahagian daripada sesuatu tuntutan yang ditidaksahkan hendaklah dianggap sebagai batal dan tidak sah dari tarikh pemberian hak pembiak baka.

Pembatalan hak pembiak baka

41. (1) Lembaga boleh membatalkan suatu hak pembiak baka yang diberikan kepada pemegang jika—

- (a) pemegang gagal memberi Lembaga dalam tempoh yang dinyatakan oleh Lembaga secara bertulis maklumat, kemudahan atau bahan pembiakan yang dianggapkan perlu oleh Lembaga bagi penyenggaraan sampel yang disimpan di pusat yang diluluskan oleh Lembaga apabila diminta oleh Lembaga;
- (b) pemegang gagal membayar apa-apa fi yang kena dibayar kepada Lembaga untuk memastikan hak pembiak bakanya terus berkuat kuasa;
- (c) varieti tumbuhan berdaftar itu gagal menunjukkan secara berterusan syarat-syarat yang kerananya pendaftaran dibuat dan hak pembiak baka diberikan;
- (d) pemegang melanggar apa-apa terma dan syarat yang dikenakan ke atasnya sebagai seorang pemegang; atau
- (e) pemegang menggunakan atau menyebabkan supaya digunakan apa-apa sampel suatu varieti tumbuhan berdaftar yang disimpan di suatu pusat di bawah seksyen 27 tanpa mendapat kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada Lembaga.

(2) Sebelum membatalkan sesuatu hak pembiak baka, Lembaga hendaklah memberi pemegang itu suatu notis secara bertulis menghendaki pemegang itu menunjukkan sebab dalam tempoh empat belas hari mengapa hak pembiak bakanya tidak patut dibatalkan.

(3) Selepas tamat tempoh empat belas hari dan selepas menimbangkan apa-apa representasi yang dibuat oleh pemegang,

Lembaga hendaklah memutuskan sama ada akan membatalkan perlindungan itu atau tidak mengambil tindakan selanjutnya.

(4) Lembaga hendaklah memberi pemegang suatu notis secara bertulis tentang keputusannya di bawah subseksyen (3).

(5) Pembatalan sesuatu hak pembiak baka hendaklah mula berkuat kuasa—

(a) jika tiada rayuan terhadap pembatalan itu, apabila tamat tempoh empat belas hari dari tarikh notis pembatalan itu disampaikan kepada pemegang itu; atau

(b) jika ada rayuan terhadap pembatalan itu, apabila pembatalan itu disahkan oleh Menteri di bawah seksyen 46.

(6) Jika hak pembiak baka itu dibatalkan di bawah subseksyen (1), Lembaga hendaklah—

(a) mengarahkan pemegang mengembalikan perakuan pendaftaran varieti baru tumbuhan dan pemberian hak pembiak baka kepada Lembaga; dan

(b) mempunyai kuasa untuk membenarkan mana-mana orang mengusahakan penghasilan varieti tumbuhan itu atas sebab kepentingan awam.

(7) Lembaga hendaklah merekodkan pembatalan itu pada perakuan pendaftaran varieti baru tumbuhan dan pemberian hak pembiak baka dan dalam Daftar Varieti Baru Tumbuhan dan menyiarkan hakikat pembatalan itu dalam *Warta*.

Penyerahan hak pembiak baka

42. (1) Seseorang pemegang boleh menyerahkan hak pembiak bakanya dengan mengemukakan suatu permintaan bertulis kepada Lembaga berserta dengan perakuan pendaftaran varieti baru tumbuhan dan pemberian hak pembiak bakanya.

(2) Penyerahan itu hendaklah berkuat kuasa pada tarikh Lembaga menerima perakuan pendaftaran dan pemberian hak pembiak baka menurut permintaan bertulis di bawah subseksyen (1).

(3) Lembaga boleh mengenakan apa-apa terma dan syarat yang disifatkan patut berkenaan dengan penyerahan itu.

(4) Lembaga hendaklah merekodkan penyerahan itu dalam Daftar Varieti Baru Tumbuhan dan menyiarkan hakikat penyerahan itu dalam *Warta*.

Penyerahhakan atau perpindahan hak pembiak baka

43. (1) Hak pembiak baka atau sesuatu permohonan untuk pendaftaran sesuatu varieti baru tumbuhan dan pemberian hak pembiak baka boleh diserahkan atau berpindah dengan kelulusan Lembaga kepada—

- (a) wakil diri di sisi undang-undang bagi pemegang atau pemohon untuk pendaftaran dan pemberian itu; atau
- (b) mana-mana orang yang berhak mengenai penyerahhakan atau perpindahan itu melalui kuat kuasa undang-undang.

(2) Permohonan bagi penyerahhakan atau perpindahan sesuatu hak pembiak baka hendaklah —

- (a) dibuat mengikut cara yang dinyatakan oleh Lembaga secara bertulis; dan
- (b) disertakan dengan fi yang ditetapkan.

(3) Lembaga boleh meluluskan penyerahhakan atau perpindahan hak pembiak baka jika—

- (a) ia dibuat secara bertulis yang ditandatangani oleh atau bagi pihak-pihak yang berkontrak; atau
- (b) pemegang atau pemohon bagi pendaftaran sesuatu varieti baru tumbuhan dan pemberian hak pembiak baka itu mati atau menjadi tak upaya.

(4) Sebelum memberikan kelulusan untuk penyerahhakan atau perpindahan sesuatu hak pembiak baka, Lembaga hendaklah menyiarkan dalam *Warta* butir-butir permohonan itu dan memberikan suatu tempoh masa yang munasabah bagi apa-apa bantahan terhadap permohonan untuk penyerahhakan atau perpindahan itu.

(5) Penyerahhakan atau perpindahan sesuatu hak pembiak baka hendaklah direkodkan dalam Daftar Varieti Baru Tumbuhan dan hakikat penyerahhakan atau perpindahan itu hendaklah disiarkan dalam *Warta*.

BAHAGIAN VII

RAYUAN

Rayuan

44. Mana-mana orang yang terkilan dengan keputusan Lembaga berkenaan dengan—

- (a) penolakan suatu permohonan untuk pendaftaran sesuatu varieti baru tumbuhan dan pemberian hak pembiak baka;
- (b) pemberian lesen wajib di bawah subseksyen 36(1);
- (c) royalti yang kena dibayar di bawah subseksyen 36(4);
- (d) penamatan lesen wajib di bawah seksyen 38;
- (e) pembatalan hak pembiak baka;
- (f) terma dan syarat-syarat berkenaan dengan penyerahan sesuatu hak pembiak baka; atau
- (g) penyerahhakan atau perpindahan sesuatu hak pembiak baka,

boleh, dalam tempoh tiga puluh hari selepas diberitahu secara bertulis tentang keputusan Lembaga membuat rayuan secara bertulis terhadap keputusan itu kepada Menteri.

Lembaga Rayuan

45. (1) Apabila rayuan diterima di bawah seksyen 44, Menteri hendaklah merujukkan perkara itu kepada suatu Lembaga Rayuan.

(2) Lembaga Rayuan itu hendaklah terdiri daripada anggota-anggota yang berikut:

- (a) Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, yang hendaklah menjadi Pengerusi;
- (b) Ketua Setiausaha Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi;
- (c) Ketua Setiausaha Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi;

(d) Setiausaha Tetap Kementerian Pertanian dan Industri Makanan Sarawak; dan

(e) Setiausaha Tetap Kementerian Pertanian, Sabah.

(3) Dalam mesyuarat Lembaga Rayuan, korum Lembaga hendaklah tiga orang.

(4) Jika atas apa-apa sebab Pengerusi tidak dapat hadir dalam mesyuarat Lembaga Rayuan, anggota yang hadir hendaklah memilih seorang dari pada kalangan mereka untuk mempengerusikan mesyuarat dan anggota yang dipilih itu hendaklah menjalankan kuasa Pengerusi sepanjang mesyuarat itu dan hendaklah disifatkan sebagai Pengerusi bagi maksud mesyuarat itu.

(5) Lembaga Rayuan boleh mengawal selia tatacaranya sendiri dalam mendengar apa-apa rayuan sedemikian dan tidaklah terikat dengan mana-mana undang-undang atau rukun amalan yang berhubungan dengan penerimaan keterangan.

(6) Lembaga Rayuan hendaklah menimbangkan rayuan dan membuat syor kepada Menteri.

Keputusan Menteri

46. Keputusan Menteri adalah muktamad dan hendaklah dimaklumkan secara bertulis kepada orang yang membuat rayuan.

BAHAGIAN VIII

PELANGGARAN

Perbuatan yang disifatkan sebagai pelanggaran

47. Tertakluk kepada peruntukan Akta ini, pelanggaran sesuatu hak pembiak baka hendaklah terdiri daripada pelaksanaan apa-apa perbuatan yang disebut dalam seksyen 30 di Malaysia oleh seseorang selain pemegang tanpa kebenaran pemegang berhubungan dengan varieti tumbuhan berdaftar yang baginya suatu hak pembiak baka telah diberikan kepada pemegang.

Prosiding pelanggaran

48. (1) Pemegang hendaklah mempunyai hak untuk memulakan prosiding mahkamah terhadap mana-mana orang yang telah melanggar atau sedang melanggar haknya.

(2) Pemegang hendaklah mempunyai hak yang sama terhadap mana-mana orang yang melaksanakan perbuatan yang mungkin menyebabkan pelanggaran berlaku, yang dalam Bahagian ini disebut sebagai suatu “pelanggaran mungkin berlaku”.

(3) Prosiding dalam subseksyen (1) dan (2) tidak boleh dimulakan selepas lima tahun dari tarikh perbuatan pelanggaran itu diketahui atau mungkin secara munasabah diketahui oleh pemegang.

Injunksi dan award ganti rugi

49. (1) Jika pemegang membuktikan bahawa suatu pelanggaran telah dilakukan atau sedang dilakukan, mahkamah boleh mengawardkan ganti rugi dan boleh memberikan suatu injunksi untuk menghalang pelanggaran yang selanjutnya dan mengawardkan apa-apa remedi undang-undang yang lain.

(2) Jika pemegang membuktikan bahawa suatu pelanggaran yang mungkin berlaku, mahkamah boleh memberikan injunksi untuk menghalang pelanggaran itu dan mengawardkan apa-apa remedi undang-undang yang lain.

BAHAGIAN IX

KESALAHAN

Kesalahan berkenaan dengan memberikan apa-apa butir, dsb., yang palsu atau mengelirukan

50. Mana-mana orang yang memberikan atau menyebabkan supaya diberikan kepada Lembaga apa-apa butir, maklumat atau pernyataan yang palsu atau mengelirukan berkenaan dengan sesuatu permohonan untuk pendaftaran varieti baru tumbuhan dan pemberian hak pembiak baka melakukan suatu kesalahan

dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi dua puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

Kesalahan berkenaan dengan pelanggaran terma dan syarat dan penggunaan sampel tanpa kebenaran

51. Mana-mana orang yang—

- (a) melanggar apa-apa terma dan syarat yang dikenakan ke atasnya sebagai seorang pemegang atau sebagai seorang pemegang lesen; atau
- (b) tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis Lembaga, menggunakan atau menyebabkan supaya digunakan apa-apa sampel suatu varieti tumbuhan berdaftar yang disimpan di mana-mana pusat di bawah seksyen 27,

melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

Kesalahan oleh pertubuhan perbadanan

52. Jika sesuatu pertubuhan perbadanan melakukan suatu kesalahan di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Akta ini, mana-mana orang yang pada masa melakukan kesalahan itu ialah seorang pengarah, pengurus, setiausaha atau pegawai lain yang seumpamanya dalam pertubuhan perbadanan itu atau yang berupa sebagai bertindak atas apa-apa sifat sedemikian, atau yang dengan apa-apa cara atau sehingga apa-apa takat bertanggungjawab bagi pengurusan mana-mana hal ehwal pertubuhan perbadanan itu, atau yang membantu dalam pengurusan pertubuhan perbadanan itu —

- (a) boleh dipertuduh dan dibicarakan bersesama dalam prosiding yang sama bersekali dengan pertubuhan perbadanan itu; dan
- (b) jika pertubuhan perbadanan itu didapati telah melakukan kesalahan itu, pertubuhan perbadanan itu hendaklah disifatkan telah melakukan kesalahan itu melainkan jika, dengan mengambil kira jenis fungsinya atas sifat itu dan segala hal keadaan, dia membuktikan —
 - (i) bahawa kesalahan itu telah dilakukan tanpa pengetahuan, persetujuan atau pembiarannya; dan

- (ii) bahawa dia telah mengambil segala langkah yang munasabah dan telah menjalankan segala usaha yang wajar untuk mencegah pelakuan kesalahan itu.

BAHAGIAN X

PENGUATKUASAAN

Pemberian kuasa kepada pegawai

53. (1) Menteri boleh memberi kuasa secara bertulis kepada mana-mana pegawai Kementerian untuk menjalankan kuasa di bawah Bahagian ini.

(2) Seseorang pegawai yang diberi kuasa di bawah subseksyen (1) hendaklah disifatkan sebagai pekhidmat awam mengikut pengertian Kanun Keseksaan [*Akta 574*].

Kuasa penguatkuasaan

54. (1) Mana-mana pegawai yang diberi kuasa atau pegawai polis yang pangkatnya tidak rendah daripada Inspektor boleh menjalankan segala kuasa penguatkuasaan di bawah Akta ini.

(2) Tiap-tiap pegawai yang diberi kuasa atau pegawai polis, apabila bertindak terhadap mana-mana orang di bawah Akta ini, hendaklah mengisytiharkan jawatannya dan hendaklah apabila diminta mengemukakan kepada orang yang terhadapnya dia bertindak kad kuasa sebagaimana yang diarahkan oleh Menteri supaya dibawa oleh pegawai diberi kuasa itu atau sebagaimana yang diarahkan oleh Ketua Polis Negara supaya dibawa oleh pegawai polis itu.

Kuasa penyiasatan

55. Seseorang pegawai diberi kuasa hendaklah mempunyai segala kuasa yang perlu untuk menjalankan pemeriksaan dan untuk menyiasat pelakuan apa-apa kesalahan di bawah Akta ini.

Kuasa tambahan

56. Mana-mana pegawai diberi kuasa atau pegawai polis yang pangkatnya tidak rendah daripada Inspektor boleh, bagi maksud menguatkuasakan Akta ini, melakukan semua atau mana-mana yang berikut:

- (a) memasuki, memeriksa dan meneliti dengan atau tanpa notis mana-mana premis atau ladang pada bila-bila masa yang munasabah berhubung dengan apa-apa kesalahan yang disyaki secara munasabah telah dilakukan di bawah Akta ini;
- (b) menghendaki pengemukaan apa-apa rekod, buku, akaun, data berkomputer atau dokumen yang disimpan oleh pemegang dan memeriksa, meneliti dan menyalin mana-mana daripadanya;
- (c) menghendaki pengemukaan apa-apa dokumen pengenalan daripada mana-mana orang berhubung dengan mana-mana hal atau kesalahan di bawah Akta ini;
- (d) membuat apa-apa siasatan sebagaimana yang perlu untuk menentukan sama ada peruntukan Akta ini telah dipatuhi.

BAHAGIAN XI**PELBAGAI****Pemulaan pendakwaan**

57. Tiada pendakwaan bagi atau berhubung dengan apa-apa kesalahan di bawah Akta ini boleh dimulakan kecuali oleh atau dengan keizinan bertulis Pendakwa Raya.

Bidang kuasa untuk membicarakan kesalahan

58. Walau apa pun mana-mana undang-undang bertulis yang bertentangan, Mahkamah Majistret Kelas Pertama hendaklah mempunyai bidang kuasa untuk membicarakan apa-apa kesalahan di bawah Akta ini dan mengenakan hukuman penuh bagi mana-mana kesalahan sedemikian.

Perlindungan pegawai

59. Tiada tindakan boleh dibawa, dimulakan atau dikekalkan dalam mana-mana mahkamah terhadap —

- (a) mana-mana anggota Lembaga Rayuan;
- (b) mana-mana anggota Lembaga;
- (c) mana-mana pegawai diberi kuasa; dan
- (d) mana-mana Pemeriksa,

bagi apa-apa perbuatan atau peninggalan yang dilakukan dengan suci hati dalam pelaksanaan tugas mereka dan penjalanan kuasa mereka di bawah Akta ini.

Peraturan-peraturan

60. (1) Menteri boleh membuat peraturan-peraturan bagi maksud melaksanakan peruntukan-peruntukan Akta ini.

(2) Tanpa menjejaskan keluasan subseksyen (1), peraturan-peraturan boleh dibuat bagi—

- (a) mengawal selia tatacara sesuatu permohonan untuk pendaftaran sesuatu varieti baru tumbuhan dan pemberian hak pembiak baka dan penentuan persoalan yang berkaitan dengan permohonan, pendaftaran dan pemberian itu, dan yang berkaitan dengan perlanjutan pendaftaran dan pemberian itu, dan pembatalan, penyerahan, penyerahhakan atau perpindahan sesuatu hak pembiak baka;
 - (b) menetapkan fi dan caj yang kena dibayar di bawah Akta ini dan cara bagi mengutip dan menguruskan fi itu;
 - (c) menetapkan borang, buku, daftar, dokumen dan perkara lain yang hendaklah digunakan di bawah Akta ini dan maklumat yang hendaklah dikemukakan bagi apa-apa maksud Akta ini;
 - (d) menetapkan saiz tanah bagi maksud takrif seseorang “petani kecil”; dan
 - (e) mengadakan peruntukan secara umumnya bagi apa-apa perkara lain bagi pelaksanaan yang sepatutnya dan berkesan Akta ini.
-

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 634

**AKTA PERLINDUNGAN VARIETI BARU
TUMBUHAN 2004**

SENARAI PINDAAN

Undang-undang
yang meminda

Tajuk ringkas

Berkuat kuasa
dari

– TIADA –

UNDANG-UNDANG MALAYSIA**Akta 634****AKTA PERLINDUNGAN VARIETI BARU
TUMBUHAN 2004****SENARAI SEKSYEN YANG DIPINDA**

| Seksyen | Kuasa meminda | Berkuat kuasa dari |
|---------|---------------|-----------------------|
|---------|---------------|-----------------------|

– TIADA –
